A

AHMAD AZIZI AZIMI

lwn.

PP

B

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA
LINTON ALBERT HMR
MOHTARUDIN BAKI HMR
MOHD ZAWAWI SALLEH HMR
[RAYUAN JENAYAH NO: A-05-54-2011 & A-05-55-2011]

C

25 JANUARI 2013

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Akta Dadah Berbahaya 1952 - Seksyen 39B(1)(a) - Sabitan dan hukuman - Rayuan - Kes prima facie - Sama ada terbukti - Sama ada hakim bicara membuat penemuan*

D

positif milikan sebelum memakai anggapan statutori pengedaran di bawah s. 37(da) ADB 1952 - Kegagalan memanggil saksi penting - Sama ada telah menafikan keterangan yang berkemungkinan memberi faedah kepada perayu - Akta Keterangan 1950, s. 114(g) - Sama ada terpakai - Sama ada rumah di mana dadah berbahaya dijumpai boleh diakses oleh orang

E

lain - Sama ada sabitan dan hukuman selamat - Sama ada perayu dilepaskan dan dibebaskan

Perayu telah dituduh dengan dua pertuduhan atas kesalahan mengedar dadah berbahaya di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB 1952') yang boleh dihukum di bawah s. 39B(2) Akta yang sama. Fakta kes menunjukkan bahawa penangkapan terhadap perayu berpunca daripada penangkapan SP8 yang telah memberitahu SP4 bahawa bekalan dadah yang dijumpai dalam miliknya semasa tangkapan adalah diperolehi daripada perayu. Atas permintaan SP4, SP8 telah menghubungi perayu untuk berjumpa di hadapan sebuah kilang untuk menyerahkan bekalan ganja kepadanya. Pada 13 Julai 2004, anggota-anggota serbuan telah mengambil tempat masing-masing manakala SP4 dan satu Detektif Hairudin telah mengambil kedudukan mereka di dalam pondok pengawal kilang bersama-sama dengan seorang pengawal keselamatan beruniform. Pada jam 3 petang, SP4 melihat perayu keluar berseorangan dengan menggalas sebuah beg pada bahu kanannya dari pintu pemandu kereta jenis Proton Saga No. ABN 5115. Perayu seterusnya telah ditangkap oleh anggota-anggota serbuan tersebut. Apabila bag yang didakwa digalas oleh perayu dibuka, terdapat satu bungkusan berisi plastik berwarna kuning yang di dalamnya mengandungi ketulan kecil bahan-bahan yang disyaki sebagai ganja (yang membentuk

F

G

H

I

pertuduhan kes No: 45-14-2004). Seterusnya, selepas SP4 menyoal siasat perayu, SP4 telah membawa perayu ke rumahnya di mana SP4 telah menjumpai sebuah beg berwarna perak yang mengandungi beberapa ketulan yang juga disyaki sebagai ganja di dalam bilik tidur utama rumah perayu (yang membentuk pertuduhan kes No. 45-2-2005). Di akhir kes perbicaraan, hakim bicara telah mendapati perayu bersalah, disabitkan dan dihukum gantung sampai mati bagi kedua-dua pertuduhan yang dikemukakan. Terkilan dengan perintah sabitan dan hukuman tersebut, perayu telah membuat rayuan kepada mahkamah ini. Perayu menghujahkan bahawa hakim bicara telah tersalah arah dirinya apabila (i) gagal merekodkan di akhir kes pendakwaan sama ada pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes *prima facie* terhadap kedua-dua pertuduhan yang dikemukakan terhadap perayu; (ii) gagal membuat penemuan positif milikan terhadap kedua-dua pertuduhan sebelum memakai anggapan statutori pengedaran di bawah s. 37(da) ADB 1952; (iii) gagal memakai anggapan di bawah s. 114(g) Akta Keterangan 1950 apabila pihak pendakwaan tidak memanggil pengawal keselamatan yang berada bersama-sama SP4 di bilik pengawal untuk memberi keterangan yang berkemungkinan akan memberikan manfaat kepada perayu; dan (iv) gagal mengambil kira keterangan bahawa rumah di mana dadah berbahaya tersebut dijumpai boleh diakses oleh orang lain.

Diputuskan (membenarkan rayuan; mengetepikan sabitan dan hukuman)
Oleh Mohd Zawawi Salleh HMR menyampaikan penghakiman mahkamah:

(1) Walaupun tidak terdapat catatan dalam rekod rayuan yang boleh menunjukkan hakim bicara telah merekodkan keputusan bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan satu kes *prima facie* terhadap kedua-dua pertuduhan, namun adalah jelas dalam alasan penghakiman beliau bahawa beliau telah mengatakan bahawa satu kes *prima facie* telah dibuktikan seperti yang terdapat dalam kedua-dua pertuduhan asal. Tiada hujahan dibuat sama ada di akhir kes pendakwaan atau kes pembelaan bahawa perayu telah diprejudiskan dan tidak berupaya untuk mengemukakan pembelaan sewajarnya. Mahkamah ini tidak dapat mengesan apa-apa kekeliruan dan kekurangan di pihak perayu. (perenggan 27)

(2) Adalah menjadi undang-undang mantap bahawa sebelum anggapan statutori pengedaran di bawah s. 37(da) ADB boleh dipakai, suatu penemuan positif milikan hendaklah dibuat oleh

A hakim bicara. Melihat secara keseluruhan penghakiman hakim bicara, beliau telah membuat penemuan positif milikan apabila diputuskan bahawa perayu mempunyai kawalan terhadap bilik tidur utama di mana dadah berbahaya dijumpai dan juga mempunyai pengetahuan mengenainya. (perenggan 30 & 32)

B

(3) Terdapat percanggahan antara versi SP4, SP5 dengan SP8 mengenai sama ada perayu telah menggalas apa-apa beg apabila perayu keluar dari kereta dan menuju ke pintu hadapan kilang. Di dalam kes ini, pengawal keselamatan yang berada
C bersama SP4 di dalam pondok pengawal kilang merupakan seorang saksi yang penting memandangkan kontroversi yang wujud sama ada perayu sebenarnya ada menggalas beg pada bahu kanannya apabila dia keluar dari kereta ABN 5115. Sekiranya pengawal keselamatan dipanggil memberi keterangan,
D dia boleh mengesahkan sama ada perayu sebenarnya ditangkap ketika menggalas beg yang mengandungi dadah berbahaya itu. Saksi ini tergolong sebagai seorang saksi yang disifatkan sebagai material kepada pembentangan naratif kes yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan (*Seneviratne v. R*, dirujuk) atau sebagai
E saksi yang penting dan material kepada kes (*Munusamy v. PP*, dirujuk). Kegagalan pihak pendakwaan memanggil pengawal keselamatan telah menafikan keterangan yang berkemungkinan akan memberi faedah kepada perayu dan boleh membawa kesan s. 114(g) Akta Keterangan 1950 dipakai. (perenggan 39
F & 40)

(4) Keterangan SP6 dan SP7 menunjukkan bahawa rumah di mana dadah berbahaya tersebut dijumpai pernah juga didatangi atau dimasuki oleh tuan rumah iaitu Mejar Rosmi dan
G beberapa orang lain. Menurut perayu, dia tidak pernah menyewa rumah tersebut dan penyewa adalah kawannya Sufian. Dengan kegagalan pihak pendakwa memanggil Mejar Rosmi memberi keterangan, penyataan perayu bahawa rumah tersebut boleh diakses oleh orang lain tidak dicabar dan
H dipatahkan. Berdasarkan keterangan yang ada, pihak pendakwa hanya boleh menunjukkan yang perayu mempunyai pengetahuan bahawa ganja tersebut berada dalam bilik tersebut. Tanpa keterangan lain, ia tidak mencukupi untuk membuktikan bahawa perayu mempunyai milikan terhadap ganja tersebut
I mengikut maksud undang-undang. Berdasarkan kepada alasan-alasan yang diberi, sabitan dan hukuman yang dibuat oleh hakim bicara adalah tidak selamat. Justeru, perayu dilepaskan dan dibebaskan. (perenggan 49, 53 & 54)

***English** Translation Of Headnotes*

The appellant was charged with two counts of the offence of trafficking in dangerous drugs under s. 39B(1)(a) of the Dangerous Drugs Act 1952 ('DDA 1952') punishable under s. 39B(2) of the same Act. The facts of the case showed that the arrest of the appellant stemmed from the arrest of SP8 who had told SP4 that the drugs found in his possession was obtained from the appellant. On the request of SP4, SP8 had contacted the appellant and arranged for a meeting in front of a factory to deliver the drug supply to him. On 13 July 2004, the members of a raiding party had taken their respective places while SP4 and one Detective Hairudin had positioned themselves in the factory guardhouse with a uniformed security guard. At 3pm, SP4 saw the appellant coming out alone from the driver's door of a Proton Saga No ABN 5115 with a bag on his right shoulder. The appellant was subsequently detained by the members of the said raiding party. When the bag that was allegedly carried by the appellant was examined, a yellow plastic bag containing small chunks of materials believed to be cannabis was found (that made up the case No: 45-14-2004). After SP4 had interrogated the appellant, SP4 had brought the appellant to a house where SP4 had found a silver bag containing small chunks of materials also believed to be cannabis in the master bedroom (that made up the case No. 45-2-2005). At the end of the prosecution case, the trial judge found the appellant guilty, thus the appellant was convicted and sentenced to death on the charges adduced. Dissatisfied with the said order of conviction and sentence, the appellant appealed to this court. The appellant submitted that the trial judge had misdirected himself when (i) at the end of the prosecution case, the trial judge failed to record as to whether the prosecution had succeeded in proving a *prima facie* case on the two charges brought against the appellant; (ii) the trial judge failed to make a positive finding of possession on the two charges before applying the presumption of trafficking under s. 37(da) of the DDA 1952; (iii) the trial judge failed to apply the presumption under s. 114(g) of the Evidence Act 1950 when the prosecution failed to call on the security guard who was with SP4 in the guardhouse to testify which could possibly benefit the appellant; and (iv) the trial judge failed to take into consideration evidence that the house where the dangerous drugs were found was accessible to others.

A **Held (allowing appellant's appeal; setting aside conviction and sentence)**
Per Mohd Zawawi Salleh JCA delivering the judgment of the court:

B **(1)** Although there was no record in the Appeal Record that showed the trial judge had recorded the decision that the prosecution had proven a *prima facie* case on the two charges, it was evident in his grounds of judgment that a *prima facie* case had indeed been proven as found in the original charges. C No submission was made at the end of the prosecution's case or the defence's case that the appellant had been prejudiced and was not able to produce a proper defence. This court was unable to detect any confusion on the part of the appellant.

D **(2)** It is trite law that before a statutory presumption of trafficking under s. 37(da) of the DDA can be applied, a positive finding of possession has to be made by the trial judge. A comprehensive view of the trial judge's judgment showed that the trial judge had made a finding of positive possession when E it was held that the appellant had control over the master bedroom where the dangerous drugs were found and had knowledge of them.

(3) There was a conflict between the versions of SP4, SP5 and SP8 as to whether the appellant was seen carrying a bag F when he came out from the car and headed towards the front gates of the factory. In this case, the security guard who was with SP4 in the factory guardhouse was a material witness due to the controversy that arose as to whether the appellant had indeed been carrying a bag on his right shoulder when he G came out from the car ABN 5115. If the security guard had been called to testify, he could verify whether the appellant had been detained while carrying a bag containing the said dangerous drugs. This witness was a witness deemed to be essential to the unfolding of the narratives on which the H prosecution case is based (*Seneviratne v. R*, refd) or as an important and material witness to the case (*Munusamy v. PP*, refd). The failure of the prosecution in calling the security guard had denied evidence that could possibly be beneficial to the appellant and could bring the effect of the application of I s. 114(g) of the Evidence Act 1950.

(4) The evidence of SP6 and SP7 showed that the house owner Mejar Rosmi and several others frequently visited and entered the house where the dangerous drugs was found. According to the appellant, he was not renting the house and that the person who was actually renting the house was his friend Sufian. With the prosecution's failure to call on Mejar Rosmi to testify, the appellant's statement that the said house was accessible to others was not challenged or rebutted. Based on the available evidence, the prosecution was only able to show that the appellant had knowledge that the said cannabis was in the said room. Without any other evidence, it was not sufficient to prove that the appellant had possession of the said cannabis within the meaning of the law. Based on the reasons given, the conviction and sentence made by the trial judge was unsafe. Therefore, the appellant was acquitted and discharged.

Kes-kes yang dirujuk:

Abdullah Zawawi Omar v. PP [1985] 2 CLJ 2; [1985] CLJ (Rep) 19 SC ***(dirujuk)***

Abdul Manap Mohamad Hassan v. PP [2003] 3 CLJ 641 CA ***(dirujuk)***

Berger v. US [1935] 295 US78 ***(dirujuk)***

Boucher v. The Queen [1955] SCR 16 ***(dirujuk)***

Choo Yoke Choy v. PP [1992] 4 CLJ 1791; [1992] 1 CLJ (Rep) 43 SC ***(dirujuk)***

Dato' Mokhtar Hashim & Anor v. PP [1983] 2 CLJ 10; [1983] CLJ (Rep) 101 FC ***(dirujuk)***

Dato' Seri Anwar Ibrahim v. PP & Another Appeal [2004] 3 CLJ 737 FC ***(dirujuk)***

Gooi Loo Seng v. PP [1993] 3 CLJ 1 SC ***(dirujuk)***

Herchun Singh & Ors v. PP [1969] 1 LNS 52 FC ***(dirujuk)***

Ibrahim Mohamad & Anor v. PP [2011] 4 CLJ 113 FC ***(dirujuk)***

Koay Chooi v. Regina [1955] 1 LNS 41 HC ***(tidak diikuti)***

Lee Chee Meng v. PP [1992] 1 CLJ 345 SC ***(dirujuk)***

Mathew Lim v. Game Warden, Pahang [1959] 1 LNS 57 HC ***(tidak diikuti)***

Md Desa Hashim v. PP [1995] 4 CLJ 677 FC ***(dirujuk)***

Mohan Singh Lachman Singh v. PP [2002] 3 CLJ 293 CA ***(dirujuk)***

Muniandy & Ors v. PP [1966] 1 LNS 110 FC ***(dirujuk)***

Munusamy Vengadasalam v. PP [1987] 1 CLJ 250; [1987] CLJ (Rep) 221 SC ***(dirujuk)***

PP v. Mohd Ali Abang & Ors [1994] 1 LNS 189 HC ***(diikuti)***

PP v. Mohd Radzi Abu Bakar [2006] 1 CLJ 457 FC ***(dirujuk)***

PP lwn. Muhammad Zulkifli Abd Ghani & Satu Lagi [2011] 2 CLJ 772 CA ***(dirujuk)***

Randall v. The Queen [2002] UKPC 19, [2002] 1 WLR 2237 PC ***(dirujuk)***

R v. Oliva [1965] 3 All ER 116 ***(dirujuk)***

A *R v. Russell-Joones [1995] 3 All ER 239* ***(dirujuk)***
R v. Yebes [1987] 2 SCR 168 ***(dirujuk)***
Seneviratne v. R [1936] 3 All ER 36 ***(dirujuk)***
Ti Chuee Hiang v. PP [1995] 3 CLJ 1 FC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
B Evidence Act 1950, s. 114(g)
Dangerous Drugs Act 1952, ss. 12(2), 37(da), 39B(1)(a), 39B(2)

Bagi pihak perayu - Naran Singh; T/n Naran Singh & Co
Bagi pihak respoden - Tengku Amir Zaki Tengku Abdul Rahman; TPR

C *[Rayuan dari Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur; Perbicaraan Jenayah No: 45-15-2004 & 45-2-2005]*

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

D

PENGHAKIMAN

Mohd Zawawi Salleh HMR:

Pendahuluan

E

[1] Perayu telah dituduh di Mahkamah Tinggi Taiping dengan dua (2) pertuduhan atas kesalahan mengedar dadah berbahaya di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB 1952') yang boleh dihukum di bawah s. 39B(2) Akta yang sama. Kedua-
F dua pertuduhan telah dibicarakan secara bersama.

[2] Di akhir perbicaraan, hakim bicara telah mendapati perayu bersalah, disabitkan dan dihukum gantung sampai mati terhadap kedua-dua pertuduhan yang dikemukakan.

G **[3]** Terkilan dengan perintah sabitan dan hukuman tersebut, perayu telah membuat rayuan kepada Mahkamah Rayuan. Kami telah mendengar rayuan ini pada 6 September 2012 dan di akhir pendengaran rayuan, kami sebulat suara telah membenarkan rayuan perayu terhadap kedua-dua pertuduhan.

H

[4] Kini kami perturunkan alasan terperinci keputusan kami.

I

Pertuduhan

[5] Pertuduhan yang dikemukakan terhadap perayu ialah seperti berikut:

> **Kes No: 45-12-2004**
>
> Bahawa kamu pada 13 Julai 2004 jam lebih kurang 3.00 petang di hadapan Kilang Super Motor Furniture, Simpang Halt, Taiping di dalam daerah Larut Matang, Negeri Perak, telah didapati mengedar dadah merbahaya iaitu 1,5.94 gram Cannabis dan oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah seksyen 39B(2) Akta yang sama.
>
> **Kes No: 45-2-2005**
>
> Bahawa kamu pada 13 Julai 2004 jam lebih kurang 5.00 petang di rumah No. 453, Lorong 17, Taman Berkat, Fasa, Simpang, Taiping di dalam daerah Larut Matang, Negeri Perak, telah didapati mengedar dadah merbahaya iatu 6487 gram Cannabis dan oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah seksyen 39B(2) Akta yang sama.

Fakta Kes

[6] Fakta kes bolehlah diringkaskan seperti berikut. Penangkapan terhadap perayu adalah berpunca dari penangkapan yang dibuat oleh ASP Mohd Zati bin Hamid (SP10) terhadap seorang yang bernama Azman bin Yaacob (SP8) pada 13 Julai 2004, jam lebih kurang 9 pagi. ASP Hashim bin Abdullah (SP4), selaku pegawai penyiasat kes tersebut, telah menjalankan soal siasat terhadap SP8. SP8 memberitahu SP4 bahawa bekalan dadah yang dijumpai dalam miliknya semasa tangkapan adalah diperolehi daripada Ahmad Azizi bin Azimi, perayu di sini.

[7] Atas permintaan SP4, SP8 telah menghubungi perayu dengan telefon bimbitnya, meminta supaya dibekalkan dengan dua ketul ganja kepadanya. SP8 memberitahu SP4 bahawa perayu akan datang berjumpa dengannya di hadapan Kilang Supermotor Furniture, di Simpang Halt, Taiping, untuk menyerahkan bekalan ganja yang diminta.

[8] Pada hari yang sama (13 Julai 2004), jam lebih kurang 2.30 petang, SP4 bersama-sama dengan anggota-anggotanya telah membawa SP8 ke hadapan kilang tersebut, iaitu lokasi pertemuan antara SP8 dengan perayu seperti yang dipersetujui. SP4 telah meletakkan kereta SP8, yang dibawa bersama ke tempat itu,

di hadapan kilang tersebut, sebagai "umpan". Detektif Khairunizam ditempatkan di dalam kereta tersebut. Anggota-anggota serbuan telah mengambil tempat masing-masing dengan bersembunyi di dalam semak-semak kawasan sekitar kilang tersebut. Manakala SP4 dan Detektif Hairudin pula telah mengambil kedudukan mereka di dalam pondok pengawal kilang. Seorang pengawal keselamatan beruniform berada bersama mereka di dalam pondok itu.

[9] Pada lebih kurang jam 3 petang, SP4 melihat sebuah kereta Proton Saga No. ABN 5115 datang menuju ke arah kilang dan berhenti di tepi kiri jalan menghala ke kilang, dalam jarak 15 meter dari pintu hadapan kilang tersebut. SP4 melihat seorang lelaki Melayu keluar dari pintu pemandu kereta berseorangan dengan menggalas sebuah beg di bahu kanannya dan berjalan menuju kereta yang dijadikan "umpan" tersebut.

[10] Apabila perayu berada dalam jarak lima meter dari kereta SP8 itu, SP4 telah memberi isyarat kepada anggota-anggotanya supaya membuat penangkapan. Detektif Hairudin telah meluru keluar dari pondok pengawal dan memeluk pinggang perayu. Kedua-dua mereka telah rebah ke tanah. Penangkapan dibuat dengan bantuan anggota-anggota lain. Detektif Hairudin menggari tangan perayu dan SP4 merampas beg yang digalas oleh perayu.

[11] Apabila beg yang bertuliskan "Decitor Cross Air" dibuka, didapati satu bungkusan berisi plastik berwarna kuning yang di dalamnya mengandungi dua ketulan besar dan satu ketulan kecil bahan-bahan yang disyaki sebagai ganja.

[12] Rampasan dadah ini membentuk pertuduhan kes No: 45-15-2004.

[13] Episod ini tidak berakhir di situ. Perayu dibawa ke Balai Polis Taiping di mana beliau dan barang kes telah diserahkan kepada ASP Mohd Zati (SP10), pegawai penyiasat kes ini.

[14] SP4 telah membuat soal siasat terhadap perayu dengan lebih lanjut. Seterusnya, SP4 telah membawa perayu ke rumahnya di Taman Berkat, Simpang, Taiping. Grill dan pintu rumah perayu dibuka dengan menggunakan kunci-kunci yang dirampas oleh SP4 daripada perayu sebelum ini. SP4 telah menjumpai di dalam bilik tidur utama rumah itu satu beg berwarna perak yang berada di atas lantai di tepi dinding kiri bilik tersebut. Apabila dibuka, SP4 mendapati ia berisi dengan lapan ketulan besar dan lima ketulan kecil bahan-bahan yang disyaki ganja. Beg tersebut dirampas dan dibawa balik ke Balai Polis Taiping.

[15] Rampasan dadah ini membentuk pertuduhan kes No: 45-2-2005.

[16] Di akhir kes pendakwaan, berhubung dengan kes No: 45-15-2004, hakim bicara menyatakan di ms. 21 rekod rayuan seperti berikut:

> Fakta menunjukkan juga bahawa tertuduh dengan sengaja membawa atau telah mengangkat dadah ganja dari satu tempat lain sebelumnya ke hadapan kilang berkaitan, dia tertakluk di bawah kategori pengedar setelah melakukan perbuatan "transporting" satu definasi pengedaran di seksyen 2 Akta. Dengan dadah Cannabis yang seberat bersih sebanyak 1594 grams situasi ini telah menyebabkan anggapan undang-undang di bawah seksyen 37(da) Akta terpakai terhadap tertuduh. Saya telah memutus bahawa terdapat suatu kes *prima facie* terhadap tertuduh lalu memerintahkannya mengemukakan pembelaan sepertimana pertuduhan.

[17] Berhubung kes No: 45-2-2005, hakim bicara berkata di ms. 22 rekod rayuan:

> Kesimpulan yang dapat saya katakan bahawa kesemua fakta dalam kes ini menunjukkan bahawa tertuduhlah yang mempunyai kawalan terhadap rumah itu.
>
> Dia dikatakan mempunyai kawalan juga ke atas bilik tidurnya termasuklah dadah-dadah yang dirampas selepas tiada keterangan tentang adanya akses oleh orang lain ke atas bilik kejadian. Tambahan pula bilik tidur itu berkunci dan hanya dapat dibuka dengan menggunakan kunci yang dirampas daripadanya, manakala lain-lain bilik di rumah itu tidak berkunci. Situasi ini telah menyimpulkan kepada pengetahuan tertuduh kepada dadah tersebut. Sekali lagi anggapan undang-undang di bawah seksyen 37(da) Akta terpakai terhadap tertuduh. Mahkamah telah memerintah tertuduh mengemukakan pembelaan setelah memutuskan suatu kes *prima facie* telah dibuktikan oleh pihak Pendakwaan.

Pembelaan Perayu

[18] Pada intipatinya, pembelaan perayu bagi kes No: 45-15-2004 ialah bahawa beliau berada di hadapan kilang Supermotor Furniture pada hari kejadian untuk bertanya sama ada terdapat kerja kosong sebagai pengawal keselamatan di situ. Malangnya beliau telah ditangkap oleh pihak polis. Perayu juga menafikan pernah pada masa material menggalas sebarang beg di bahunya. Perayu menegaskan bahawa beg tersebut sebenarnya dijumpai oleh pihak

polis di tempat duduk belakang kereta dan ia bukan kepunyaannya. Perayu juga menafikan pernah menerima panggilan telefon daripada SP8.

[19] Nor Azman bin Azimi (DW2), adik perayu, dalam keterangannya mengesahkan bahawa beg galas tersebut adalah kepunyaan Sufian, kawan perayu. DW2 pernah melihat beg galas itu dibawa oleh Sufian sewaktu datang ke rumahnya untuk meminjam kereta ABN 5115 pada malam sebelum berlaku kejadian.

[20] Berhubung dengan kes No: 45-02-2005, perayu menyatakan sebenarnya rumah tersebut adalah disewa oleh Sufian dan bukan olehnya. Sufian ada memberikan satu set kunci rumah tersebut yang perayu rangkaikan bersama-sama dengan kunci keretanya. Seterusnya, perayu mengatakan bahawa beliau dan Sufian pernah terserempak dengan seorang bernama Mejar Rosmi bersama-sama empat – lima orang kawannya memasuki ke rumah tersebut tanpa kebenarannya ketika Sufian menyewa rumah itu. Perayu menyatakan bahawa beg berwarna perak yang dijumpai di bilik tidur utama rumah itu bukan miliknya tetapi adalah milik Mejar Rosmi yang membawa masuk beg tersebut ke dalam rumah tersebut.

Keputusan Mahkamah Tinggi Di Akhir Kes Pembelaan

[21] Di akhir kes pembelaan, hakim bicara memutuskan bahawa perayu telah gagal menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan dan juga gagal mematahkan anggapan statutori pengedaran di bawah s. 37(da) ADB 1952. Justeru, perayu didapati bersalah, disabitkan dan dihukum gantung sampai mati mengikut undang-undang.

Keputusan Mahkamah Ini

[22] Perayu telah mengemukakan sebanyak 16 alasan rayuan dalam petisyen rayuannya. Namun di hadapan kami, Dato' Naran Singh, peguambela terpelajar perayu, hanya menimbulkan alasan-alasan yang berikut sahaja:

(a) hakim bicara telah menyalaharahkan dirinya (misdirected himself) apabila:

(i) gagal merekodkan di akhir kes pendakwaan sama ada pihak pendakwa telah berjaya membuktikan satu kes *prima facie* terhadap kedua-dua pertuduhan yang dikemukakan terhadap perayu;

(ii) gagal membuat penemuan positif milikan (finding of positive possession) terhadap kedua-dua pertuduhan sebelum memakai anggapan statutori pengedaran di bawah s. 37(da) ADB 1952.

(b) gagal membuat penilaian kehakiman mengenai keterangan berhubung dengan beg yang digalas oleh perayu kerana terdapat percanggahan antara versi SP4, SP5 dengan versi SP8 dan/atau gagal memakai anggapan di bawah s. 114(g) Akta Keterangan 1950 apabila pihak pendakwa tidak memanggil pengawal keselamatan yang berada bersama-sama SP4 di bilik pengawal untuk memberi keterangan di mana keterangannya itu berkemungkinan akan memberikan manfaat kepada perayu; dan

(c) gagal mengambil kira keterangan bahawa rumah di mana dadah berbahaya dijumpai boleh diakses oleh orang lain.

[23] Untuk berlaku adil kepada peguambela terpelajar, kami akan membincangkan alasan-alasan di atas satu persatu.

Alasan (a)

[24] Adalah tidak dapat dipertikaikan bahawa rekod rayuan tidak menunjukkan bahawa hakim bicara telah merekodkan sama ada pihak pendakwa telah berjaya membuktikan satu kes *prima facie* terhadap kedua-dua pertuduhan yang dikemukakan terhadap perayu di akhir kes pendakwaan. Semakan terhadap rekod rayuan di ms. 108 dan 109 menunjukkan seperti berikut:

6.12.2010

TPR Amril bagi pihak Pendakwaraya

En. Naran peguambela OKT

Penghujahan di akhir kes pendakwaan.

A. En. Naran

– mengemukakan hujahan bertulis bersama otoriti_

– muka surat 4 (hujahan), m/s 5, 6, 7, 8

– kunci rumah bersama-sama kunci kereta.

B. TPR Amril

– mengemukakan hujahan bertulis bersama otoriti

– akan hujah tambahan bertulis sekiranya ada.

Mahkamah

Ke 27.12.2010 (keputusan)

t.t. Ridwan bin Ibrahim

19.1.2011

TPR Hamdan bagi pihak Pendakwaraya

En. Naran peguambela OKT

OKT hadir.

(Sambung Bicara) Kes Pembelaan

3 pilihan pembelaan diterang, difahamkan kepada OKT.

Pilihan OKT; Beri keterangan bersumpah.

(Nota: Tidak terdapat catatan di dalam Rekod Rayuan sama ada terdapat prosiding pada 27.12.2010)

[25] Berdasarkan rekod rayuan di atas, peguambela terpelajar berhujah bahawa perayu telah diprejudiskan kerana beliau tidak berada dalam kedudukan untuk mengetahui sama ada pihak pendakwa telah berjaya membuktikan satu kes *prima facie* terhadap kedua-kedua pertuduhan dan/atau beliau telah dipanggil membela diri atas kesalahan mengedar dadah di bawah s. 39B(1)(a) ADB 1952 atau atas kesalahan memiliki semata-mata (possession simpliter) di bawah s. 12(2) ADB 1952. Perayu juga tidak berada dalam kedudukan untuk mengetahui sama ada elemen pengedaran telah dibuktikan oleh pihak pendakwa melalui keterangan langsung (direct evidence) atau anggapan s. 37(da) ADB 1952 terpakai.

[26] Dengan hormat, kami berpendapat hujahan tersebut tidak bermerit. Walaupun tidak ada catatan dalam rekod rayuan yang boleh menunjukkan hakim bicara telah merekodkan keputusan bahawa pihak pendakwa telah membuktikan satu kes *prima facie* telah berjaya dibuktikan terhadap kedua-dua pertuduhan, namun adalah jelas di dalam alasan penghakiman beliau di ms. 21 dan 23 yang dinukilkan sebelum ini dalam penghakiman ini, hakim bicara telah mengatakan bahawa satu kes *prima facie* telah dibuktikan seperti yang terdapat dalam kedua-dua pertuduhan asal. Hakim bicara juga menyatakan bahawa memandangkan berat bersih dadah berbahaya ialah 1594g dalam kes No: 45-12-2004 dan 6482g dalam kes No: 45-2-2005 masing-masing, anggapan statutori pengedaran di bawah s. 37(da) ADB 1952 adalah terpakai.

[27] Kami perhatikan bahawa tidak terdapat catatan di dalam rekod rayuan bahawa suatu penjelasan telah diminta oleh peguambela terpelajar dalam hal ini dan tiada hujahan dibuat sama ada di akhir kes pendakwaan atau kes pembelaan bahawa perayu telah diprejudiskan dan tidak berupaya untuk mengemukakan pembelaan sewajarnya. Melihat kepada pembelaan yang dikemukakan oleh perayu, kami tidak dapat mengesan apa-apa kekeliruan dan kekurangan (disadvantaged) di pihak perayu.

[28] Terdapat banyak nas yang telah diputuskan oleh mahkamah mengenai perkara ini. Bagi tujuan penghakiman ini, adalah memadai sekiranya kami merujuk kepda kes *PP v. Mohd Radzi Abu Bakar* [2006] 1 CLJ 457, apabila Mahkamah Persekutuan, melalui penghakiman Gopal Sri Ram JCA (sebagaimana beliau ketika itu) berkata:

> ... [9] In the course of their separate judgments, the majority (Mokhtar Sidin JCA and Faiza Thamby Chik J) made certain observations with which we are unable to agree. It has to do with the duty of a trial judge, who, at the close of the prosecution case, decides to call upon an accused to make his defence to a charge. According to the majority it is necessary in such a case for the trial court to set out its reasons for deciding to call on an accused to enter upon his defence. It is insufficient for a trial court merely to record the fact that the defence was being called and later in its written judgment to explain why that was done. The decision of this Court in *Arulpragasan a/l Sandaraju v. Public Prosecutor* [1996] 4 CLJ 597 was relied upon in support of this proposition since the present instance was a case decided before the amendments to the Criminal Procedure Code (CPC). With respect, we are unable to agree with the majority view.
>
> [10] The point that found favour with the majority is one that has already been traversed by high authority. In *Yap Chai Chai & Anor v. Public Prosecutor* [1973] 1 MLJ 219, the trial judge did not enter on the record his opinion that there was a case to answer before leaving the case to the jury. A complaint that this rendered the trial a nullity found no favour with the court. Similarly, in *Junaidi bin Abdullah v. Public Prosecutor* [1993] 3 MLJ 217, the Supreme Court rejected an argument in a case tried by a judge sitting alone. Both these cases are referred to in some detail in the dissenting judgment of KC Vohrah JCA and we find no reason to regurgitate them. Suffice to say that the effect of those cases has not been eroded by the decision in *Arulpragasan*.
>
> [11] In our respectful view, *Arulpragasan* is authority for the proposition that the test to be applied under the former ss. 173(f) and 180 of the CPC is that the prosecution must establish its case

A beyond a reasonable doubt before an accused could be called upon the enter his defence. It is not authority or the proposition that it is incumbent for a court to make a finding at the close of the prosecution's case that he was satisfied that the prosecution had proved its case beyond reasonable doubt. The failure by the trial court either to make or to record such a finding does not in our judgment occasion a miscarriage of justice. It is sufficient for the judicial arbiter – be he judge or magistrate – to give his reasons in his written grounds of judgment for requiring an accused to make his defence.

C **[29]** Berhubung dengan alasan (a)(ii), peguambela terpelajar berhujah bahawa hakim bicara telah gagal membuat penemuan positif milikan sebelum beliau memakai anggapan statutori pengedaran di bawah s. 37(da) ADB 1952. Justeru, dihujahkan kegagalan ini merupakan salah arah (misdirection) hakim bicara.

D **[30]** Adalah menjadi undang-undang mantap bahawa sebelum anggapan statutori pengedaran di bawah s. 37(da) ADB 1952 boleh dipakai, suatu penemuan positif milikan hendaklah dibuat oleh hakim bicara. Dalam kes *Ibrahim Mohamad & Anor v. PP* [2011] 4 CLJ 113, Mahkamah Persekutuan menyatakan:

E It is trite law that possession is an important ingredient in the charge of trafficking. Unless there is direct evidence of trafficking, the prosecution must prove the ingredient of "possession" and the trial judge must make an affirmative finding of "possession" before F the presumption of trafficking under section 37(da) of the Act can be invoke.

(Lihat juga kes *Abdul Manap Mohamad Hassan v. PP* [2003] 3 CLJ 641; [2003] 4 MLJ 374).

G **[31]** Kami mendapati hakim bicara telah membuat penemuan positif milikan dalam kes ini. Bagi kes No: 45-15-2004, hakim bicara menyatakan di ms. 20 rekod rayuan seperti berikut:

H ... Nampaknya Pendakwaan bukan sahaja membuktikan pemilikan atau jagaan ke atas beg berkaitan tetapi terbukti juga tertuduh mempunyai pengetahuan tentang isi kandungan beg yang digalaskan itu.

[32] Melihat secara keseluruhan penghakiman hakim bicara di ms. 23 alasan penghakiman, kami berpendapat bahawa bagi I kes No: 45-02-2005, beliau telah membuat penemuan positif milikan apabila diputuskan bahawa perayu mempunyai kawalan terhadap bilik tidur utama di mana dadah berbahaya dijumpai dan juga mempunyai pengetahuan mengenainya.

Alasan (b)

[33] Peguambela terpelajar berhujah bahawa versi saksi-saksi pendakwa mengenai sama ada perayu keluar dari kereta ABN 5115 dengan menggalas sebuah beg (eks. P9B) di bahu kanannya dan menuju ke hadapan kilang adalah diragukan dan tidak sepatutnya diterima oleh hakim bicara. lni adalah kerana saksi pendakwa sendiri, iaitu SP8, yang merupakan seorang saksi penting, telah secara tegas menyatakan bahawa beliau nampak perayu tidak membawa atau menggalas apa-apa beg. Menurut SD4, semasa perayu ditangkap, perayu berada dalam jarak lima meter dari kereta SP8. Dalam hal demikian, SP8 sudah pasti dapat melihat dengan jelas sama ada perayu membawa beg tersebut atau tidak. Walaupun keseluruhan keterangan SP8 telah ditolak selepas suatu prosiding pencabaran kebolehpercayaan dilakukan oleh mahkamah, namun kontrovesi ini boleh diselesaikan sekiranya pengawal keselamatan dipanggil untuk memberi keterangan. Kegagalan pihak pendakwa memanggil pengawal keselamatan memberi keterangan mewajarkan hakim bicara memakai s. 114(g) Akta Keterangan 1950.

[34] Kami bersetuju dengan hujah peguambela terpelajar mengenai alasan ini. Adalah jelas dari rekod rayuan bahawa kes perayu ialah bahawa beliau ditangkap oleh pihak polis ketika keluar dari kereta dan menuju ke pintu hadapan kilang tanpa membawa beg galas. Persoalan ini telah diajukan kepada saksi pendakwa SP4 di ms. 77 rekod rayuan dan kepada SP5 di ms. 82 rekod rayuan. SP8 semasa pemeriksaan balas di ms. 92 rekod rayuan menyatakan:

> ... saya pasti bahawa semasa OKT berjalan ke arah pondok pengawal sambil berjalan, dia tidak membawa atau galas apa-apa beg.

[35] Pada pandangan kami, kontrovesi ini boleh diselesaikan sekiranya pihak pendakwa memanggil pengawal keselamatan untuk memberi keterangan. Pegawai Penyiasat (SP10), semasa disoal balas, bersetuju dengan cadangan peguambela terpelajar bahawa pengawal keselamatan tersebut adalah merupakan seorang saksi penting bagi kes ini. SP10 seterusnya menyatakan bahawa SP4 tidak memberitahu beliau mengenai pengawal keselamatan yang berada di pondok pengawal tersebut.

[36] SP4 sendiri dalam keterangannya menyatakan bahawa sebenarnya terdapat seorang pengawal keselamatan di situ, iaitu seorang lelaki India. SP4 tidak memberitahu pengawal tersebut mengenai tujuan kehadiran beliau dan pasukan serbuan di tempat

kejadian. Beliau tidak tahu sama ada pengawal itu boleh memberikan apa-apa keterangan tentang kejadian yang berlaku pada hari tersebut.

[37] Tengku Amir Zaki bin Tengku Ahmad Rahman, timbalan pendakwaraya terpelajar berhujah bahawa hakim bicara telah membuat penemuan fakta bahawa SP4 dan SP5 adalah saksi-saksi kredible. Oleh itu, Mahkamah Rayuan tidak sepatutnya menganggu penemuan fakta tersebut. Rujukan dibuat kepada kes-kes *PP v. Mohd Radzi Abu Bakar* [2006] 1 CLJ 457; [2005] 6 MLJ 393; *Herchun Singh & Ors v. PP* [1969] 1 LNS 52; [1969] 2 MLJ 209, *Dato' Mokhtar Hashim & Anor v. PP* [1983] 2 CLJ 10; [1983] CLJ (Rep) 101; *PP lwn. Muhammad Zulkifli Abd Ghani & Satu Lagi* [2011] 2 CLJ 772; *Muniandy & Ors v. PP* [1966] 1 LNS 110; [1966] 1 MLJ 257.

[38] Tambahan pula, hujah timbalan pendakwaraya terpelajar, kredibiliti SP8 telah tercabar dan hakim bicara telah memutuskan bahawa keseluruhan keterangan SP8 ditolak dari menjadi sebahagian daripada keterangan pihak pendakwa. Justeru, tidak timbul soal percanggahan antara versi SP4, SP5 dan SP8 mengenai sama ada perayu menggalas beg yang mengandungi ganja pada hari kejadian.

[39] Dengan hormat, kami berpendapat bahawa pengawal keselamatan adalah merupakan seorang saksi yang penting dalam kes ini memandangkan kontrovesi yang wujud sama ada perayu sebenarnya ada menggalas beg di bahu kanannya apabila beliau keluar dari kereta ABN 5115 dan menuju ke hadapan kilang. Pada pandangan kami, dalam keadaan yang wujud dalam kes ini, kegagalan pendakwa memanggil pengawal keselamatan untuk memberi keterangan boleh membawa kesan yang berikut:

(i) ia melanggar prinsip yang digariskan dalam kes *Ti Chuee Hiang v. PP* [1995] 3 CLJ 1; [1995] 2 MLJ 433;

(ii) seksyen 114(g) Akta Keterangan 1950 boleh dipakai; atau

(iii) perayu telah mengalami prejudis atau kekurangan (disadvantaged) dalam mengemukakan pembelaan yang berkesan.

[40] Sekiranya pengawal keselamatan dipanggil untuk memberi keterangan, beliau boleh mengesahkan sama ada perayu sebenarnya ditangkap ketika menggalas beg yang mengandungi dadah berbahaya yang menjadi hal perkara pertuduhan No: 45-15-2004. Kami menyedari bahawa walaupun keterangan SP4 dan

SP5 tidak memerlukan apa-apa sokongan di sisi undang-undang, namun saksi ini adalah tergolong sebagai seorang saksi yang disifatkan oleh Lord Roche dalam kes *Seneviratne v. R* [1936] 3 All ER 36 sebagai "essential to the unfolding of the narratives on which the prosecution case is based" atau dengan menggunakan perkataan-perkataan Mohamed Azmi SCJ dalam kes *Munusamy Vengadasalam v. PP* [1987] 1 CLJ 250; [1987] CLJ (Rep) 221; [1987] 1 MLJ 492 sebagai "an important and material witness to the case".

[41] Berhubung dengan persoalan kredibiliti SP8 telah tercabar dan keseluruhan keterangannya ditolak, terdapat dua pendekatan yang boleh diambil dalam perkara ini. Kes-kes *Koay Chooi v. Regina* [1955] 1 LNS 41; [1955] 1 MLJ 209 dan *Mathew Lim v. Game Warden, Pahang* [1959] 1 LNS 57; [1960] 1 MLJ 89 memutuskan bahawa apabila kredibilti seseorang saksi telah tercabar, keseluruhan keterangannya hendaklah tidak diambil kira. Kami telah memberi perhatian yang serius terhadap perkara ini dan berpendapat bahawa kes-kes *PP v. Mohd Ali Abang & Ors* [1994] 1 LNS 189; [1994] 2 MLJ 12 dan *Dato' Seri Anwar Ibrahim v. PP & Another Appeal* [2004] 3 CLJ 737 wajar diikuti oleh mahkamah ini. Dalam kes terkemudian, Abdul Hamid Mohamed FCJ (sebagaimana beliau ketika itu), berkata:

> Thirdly, the effect of impeachment seems to be very harsh. Not only his whole evidence will be disregarded, he is also liable to prosecution for perjury. On the question whether, where a witness is impeached, his whole evidence is to be disregarded, there appears to be conflicting decisions in our courts. Earlier cases seem to take the rigid view that once a witness is impeached, his whole evidence becomes worthless (see *Koay Chooi v. Regina* [1955] MLJ 209; *Matthew Lim v. Game Warden, Pahang* [1960] MLJ 89 and *Public Prosecutor v. Munusamy* [1980] 2 MLJ 133 (FC)). On the other hand, in *Public Prosecutor v. Mohd Ali bin Abang & Ors* [1994] 2 MLJ 12, Chong Siew Fai J (as he then was) took the view that the fact that the credibility of a witness is impeached does not mean that all his evidence must be disregarded. It is still incumbent upon the court to carefully scrutinize the whole of the evidence to determine which parts of her evidence are the truth and which should be disregarded. The learned judge followed the Singapore case of *Public Prosecutor v. Somwang Phattanasaeng* [1992] 1 SLR 138. Indeed there is also another Singapore High Court case to the same effect; *Public Prosecutor v. Mohammed Faizal Shah* [1998] 1 SLR 333. However, no reference was made to the earlier Malaysian cases, including the judgment of this court in *Munusamy* (*supra*).

A

...

...

The point is, if we accept the view prior to *Mohd Ali bin Abang* (*supra*), which we should, in view of *Munusamy*, a federal court
B judgment, then the effect of an impeachment order, if made against Azizan would be very drastic. Not only that, he may even be subject to prosecution.

[42] Nampaknya Mahkamah Persekutuan telah memilih untuk memakai pendekatan yang diambil dalam kes *PP v. Mohd Ali Abang*
C *& Ors* (*supra*).

[43] Memandangkan telah timbul keraguan sama ada perayu sebenarnya adalah orang yang dihubungi oleh SP8 untuk datang ke tempat kejadian dan sama ada dadah yang menjadi hal perkara
D pertuduhan dijumpai di dalam beg galas atau di tempat duduk belakang kereta, kami berpendapat kegagalan pihak pendakwa untuk memanggil pengawal keselamatan telah menafikan keterangan yang berkemungkinan akan memberi faedah kepada perayu. Dalam hubungan ini, kami ingin menegaskan bahawa adalah menjadi
E kewajipan pihak pendakwa untuk memastikan bahawa suatu perbicaraan yang adil telah diberikan kepada perayu. (Lihat kes *R v. Oliva* [1965] 3 All ER 116 yang telah disahkan oleh kes *R v. Russell-Joones* [1995] 3 All ER 239). Kewajipan mahkamah pula adalah untuk memastikan hak-hak seseorang tertuduh untuk
F mendapatkan perbicaraan yang adil, di mana kesemua keterangan yang relevan dikemukakan, tidak dikompromikan. Dalam kes *Md Desa Hashim v. PP* [1995] 4 CLJ 677; [1995] 3 MLJ 350, mahkamah ini melalui penghakiman Gopal Sri Ram JCA (sebagaimana beliau ketika itu), telah mengingatkan seperti berikut:

G

But that omission does not preclude this court from determining whether procedural fairness according to the law was meted out to the appellant during the course of the prosecution's case. If this court is satisfied that, at the stage of the proceeding, there was withheld from the appellant the benefit of a rule operating in his
H favour, then, it is the duty of this court to intervene and set right any miscarriage of justice that may have resulted in consequence.

I

[44] Keputusan kes-kes dalam bidang kuasa Komanwel yang lain juga memberi penekanan tentang perlunya seseorang tertuduh mendapatkan suatu perbicaraan yang adil. Kami perturunkan di sini beberapa keputusan kes-kes tersebut seperti berikut:

(a) *Boucher v. The Queen* [1955] SCR 16, Rand J, Hakim Mahkamah Agung Kanada berkata di ms. 23-24 seperti berikut:

> It cannot be over-emphasized that the purpose of a criminal prosecution is not to obtain a conviction, it is to lay before a jury what the Crown considers to be credible evidence relevant to what is alleged to be a crime. Counsel have a duty to see that all available legal proof of the facts is presented: it should be done firmly and pressed to its legitimate strength but it must also be done fairly. The role of prosecutor excludes any notion "of winning or losing"; his function is a matter of public duty than which in civil life there can be none charged with greater personal responsibility. It is to be efficiently performed with an ingrained sense of the dignity, the seriousness and the justness of judicial proceedings.

(b) *Randall v. The Queen* [2002] UKPC 19, [2002] 1 WLR 2237 (PC), Lord Brigham berkata di perenggan 9 dan 10 seperti berikut:

> Fairness
>
> A contested criminal trial on indictment is adversarial in character. The prosecution seeks to satisfy the jury of the guilt of the accused beyond reasonable doubt. The defence seeks to resist and rebut such proof. The objects of the parties are fundamentally opposed ...
>
> ... The adversarial format of the criminal trial is indeed directed to ensuring a fair opportunity for the prosecution to establish guilt and a fair opportunity for the defendant to advance his defence ...
>
> (1) The duty of prosecuting counsel is not to obtain a conviction at all costs but to act as a minister of justice: *R v. Puddick* (1865) 4 F& F 497, 499; *R v. Banks* [1916] 2 KB 621, 623. The prosecutor's role was very clearly described by Rand J in the Supreme Court of Canada ...

(c) *Berger v. US* [1935] 295 US78, apabila Hakim Sutherland berkata di ms. 88 seperti berikut:

> The United States Attorney is the representative not of an ordinary party to a controversy, but a sovereignty whose obligation to govern impartially is as compelling as its obligation to govern at all; and whose interest, therefore, in a criminal prosecution is not that it shall win a case, but that justice shall be done. As such, he is in a peculiar and very definite sense the servant of the law, the twofold aim of which is that guilt shall not escape or innocence suffer. He may prosecute with earnestness and vigour – indeed, he should do so. But, while he may strike hard blows, he is not at liberty to strike foul ones. It is as much his duty to refrain from improper methods calculated to produce a wrongful conviction as it is to use every legitimate means to bring about a just one.

[45] Untuk mengelakkan apa-apa kekeliruan yang mungkin timbul, kami ingin menjelaskan di sini bahawa pihak pendakwa adalah tidak berkewajipan untuk mengemukakan kesemua keterangan yang boleh memusnahkan kes pihak pendakwaan atau yang boleh memberi kelebihan kepada pihak tertuduh. Prinsip yang terpakai ialah seperti yang telah digariskan oleh kes *Seneviratne v. R* (*supra*), yang telah diterima oleh kes *Ti Chuee Hiang v. PP* (*supra*). Privy Council dalam kes yang disebut terdahulu menggariskan seperti berikut:

> Their Lordships do not desire to lay down any rules to fetter discretion on a matter such as this which is so dependent on the particular circumstances of each case. Still less do they desire to discourage the utmost candour and fairness on the part of those conducting prosecutions; but at the same time they cannot, speaking generally, approve of an idea that a prosecution must call witnesses irrespective of considerations of number and of reliability, or that a prosecution ought to discharge the functions both of prosecution and defence. If it does so confusion is very apt to result, and never is it more likely to result than if the prosecution calls witnesses and then proceeds almost automatically to discredit them by cross-examination. *Witnesses essential to the unfolding of the narratives on which the prosecution is based, must, of course, be called by the prosecution, whether in the result the effect of their testimony is for or against the case for the prosecution.*
>
> (emphasis added).

[46] Dalam kes *R v. Yebes* [1987] 2 SCR 168, McIntire J berkata di perenggan 28 seperti berikut: A

> The Crown has a discretion as to which witnesses it will call in presenting its case to the court. This discretion will not be interfered with unless the Crown has exercised it for some oblique or improper reason: see *Lemay v. The King*, *supra*. No such improper motive is alleged here. While the Crown may not be required to call a given witness, the failure of the Crown to call a witness may leave a gap in the Crown's case which will leave the Crown's burden of proof undischarged and entitle the accused to an acquittal. It is in this sense that the Crown may be expected to call all witnesses essential to the unfolding of the narrative of events upon which the Crown's case is based. B C

Alasan (c)

[47] Berhubung kes No: 45-2-2005, peguambela terpelajar berhujah bahawa adalah jelas dari keterangan SP6 dan SP7, rumah No: 453 yang dikatakan disewa oleh perayu pernah juga didatangi dan/atau dimasuki oleh dua atau tiga orang yang lain. Justeru, mereka juga mempunyai akses pada rumah dan bilik di mana dadah berbahaya dijumpai. Keterangan SP7 menunjukkan bahawa tuan rumah iaitu Mejar Rosmi bersama-sama dengan lima atau enam orang pernah berada selama dua atau tiga hari di rumah tersebut. Peguambela terpelajar berhujah bahawa pihak pendakwa sepatutnya memanggil Mejar Rosmi untuk menyangkal keterangan SP7 atau menawarkannya kepada pihak pembelaan. D E F

[48] Peguambela terpelajar seterusnya berhujah bahawa perayu dalam keterangannya menyatakan bahawa beliau tidak pernah menyewa rumah tersebut. Penyewa ialah kawannya yang bernama Sufian. Sufian pernah memberi satu set kunci untuk kegunaan beliau yang dirangkaikan bersekali dengan kunci kereta ABN 5115. Perayu tidak pernah masuk ke bilik utama di mana dadah berbahaya dijumpai. Beliau tidak pernah bermalam di rumah tersebut (lihat keterangan perayu dalam pemeriksaan utama di ms. 112 rekod rayuan). Semasa pemeriksaan balas, perayu menyatakan bahawa beliau pernah terserempak dengan Mejar Rosmi dan empat atau lima orang kawannya memasuki rumah tersebut. Kejadian ini berlaku beberapa bulan selepas Sufian menyewa rumah tersebut (lihat ms. 114 rekod rayuan). G H

[49] Kami bersetuju dengan hujah peguambela terpelajar perayu bahawa dengan kegagalan pihak pendakwa memanggil Mejar Rosmi untuk memberi keterangan, penyataan perayu bahawa rumah tersebut boleh diakses oleh orang lain tidak dicabar dan I

dipatahkan. Kepentingan memanggil Mejar Rosmi telah disedari oleh pihak pendakwa apabila di ms. 108 rekod rayuan dicatatkan seperti berikut:

> TPR
>
> Perlu memanggil Kapten Rosmi dan tutup kes pendakwaan pada tarikh akan datang.

[50] Malangnya, apabila hakim bicara menetapkan penghujahan di akhir kes pendakwaan pada 6 Disember 2010, Mejar Rosmi tidak dipanggil dan tiada apa-apa penjelasan diberikan oleh timbalan pendakwaraya terpelajar mengenai kegagalan tersebut.

[51] Kami telah meneliti keterangan yang terdapat dalam rekod rayuan mengenai perkara ini dan berpendapat bahawa kegagalan pihak pendakwa untuk memanggil Mejar Rosmi memberi keterangan, empat kemungkinan boleh berlaku dan/atau boleh dibuat inferen:

(a) ada kemungkinan ganja yang dirampas dari bilik utama rumah tersebut adalah milik kawan/adik perayu yang pernah masuk ke rumah tersebut;

(b) ada kemungkinan ganja yang di rampas dari bilik utama rumah tersebut telah ditinggalkan oleh Mejar Rosmi dan/atau kawan-kawannya;

(c) ada kemungkinan jiran perayu yang meletakkan ganja di dalam bilik utama rumah tersebut; atau

(d) ada kemungkinan perayu yang meletakkan ganja di dalam bilik utama rumah tersebut.

[52] Adalah menjadi undang-undang mantap bahawa pihak pendakwa adalah berkewajipan untuk membuktikan bahawa bilik utama di mana ganja dijumpai tidak boleh diakses oleh orang lain. (Lihat *Abdullah Zawawi Omar v. PP* [1985] 2 CLJ 2; [1985] CLJ (Rep) 19; [1985] 2 MLJ 16; *Lee Chee Meng v. PP* [1992] 1 CLJ 345; [1992] 1 MLJ 322; *Gooi Loo Seng v. PP* [1993] 3 CLJ 1; [1993] 2 AMR 1135, [1993] 2 MLJ 137; *Choo Yoke Choy v. PP* [1992] 4 CLJ 1791; [1992] 1 CLJ (Rep) 43; [1992] 2 MLJ 632; *Mohan Singh Lachman Singh v. PP* [2002] 3 CLJ 293; [2002] 3 MLJ 291).

[53] Walau apa pun jua, berdasarkan keterangan yang ada, pihak pendakwa hanya boleh menunjukkan yang perayu mempunyai pengetahuan bahawa ganja tersebut berada dalam bilik tersebut. Keterangan tersebut, tanpa keterangan lain, pada pandangan kami, tidak mencukupi untuk membuktikan bahawa perayu mempunyai milikan terhadap ganja tersebut mengikut maksud undang-undang. Seperti yang dinyatakan oleh Edgar Joseph Jr SCJ dalam kes *Gooi Loo Seng v. PP* (*supra*):

> We need hardly add, that even if the appellant had known of the presence of the heroin in his bedroom, that by itself would not have been sufficient to establish that he was in possession or in control of it given that fact that others too, and certainly his girlfriend Tan Ah Kwai, had access to the bedroom and could have concealed the heroin there. At the end of the day, this was a case of the proverbial cap which might fit not just the head of the Appellant but that of others as well.

Kesimpulan

[54] Berdasarkan kepada alasan-alasan di atas, kami berpendapat bahawa sabitan dan hukuman yang dibuat oleh hakim bicara dalam kes ini adalah tidak selamat. Justeru, kami sebulat suara membenarkan rayuan perayu terhadap kedua-dua pertuduhan yang dikemukakan terhadapnya. Sabitan dan hukuman yang dibuat oleh hakim bicara diketepikan. Justeru, perayu dilepas dan dibebaskan.